



KENYATAAN SEBUTHARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM

Sebut harga dipelawa kepada **KONTRAKTOR-KONTRAKTOR** yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di Negeri Kedah, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontaktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta berdaftar melalui sistem (iDAFTAR) Kerajaan Negeri Kedah adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja Sebut Harga seperti berikut :

No & Tajuk Sebut Harga	PDTK 06/2026
	KERJA-KERJA KECEMASAN BAGI PENYENGGARAAN JAMBATAN KONKRIT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA DI KAMPUNG JANGKANG, MUKIM KARANGAN, KULIM, KEDAH.
Gred, Kategori & Pengkhususan	G2, CE, CE01,CE02
Lawatan Tapak	Tarikh & Tempat Berkumpul Bagi Lawatan Tapak Tarikh : 10 September 2026 (Khamis) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Perkarangan Lobi Utama, Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim Pendaftaran Kehadiran Bermula Jam : 9.00 Pagi - 10.00 Pagi *Kontraktor perlu membuat maklumbalas kehadiran di dalam sistem iDaftar sebelum 09 September 2026 (Rabu) LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN
Tarikh Dokumen Dikeluarkan	10 September 2026 (Khamis) – 17 September 2026 (Khamis)
Tarikh Tutup Sebut Harga	20 September 2026 (Ahad) Sebelum jam 12.00 tengah hari

1. Kontraktor-kontraktor yang berminat dan berkelayakan seperti tertera sahaja hendaklah membuat PERAKUAN menyertai sebutharga di sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut no sebutharga iaitu **PDTK 06/2026** dengan jumlah RM10.00 sebelum dokumen softcopy sebutharga dikemukakan kepada kontraktor-kontraktor. Urusan penjualan sebut harga dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam sehingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.


2. Kontraktor-kontraktor dikehendaki menyemak no.siri Kawalan Dokumen yang diberikan melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan no.siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen sebutharga pada ruang kotak disediakan. Kegagalan ini boleh mengakibatkan dokumen ditolak.

3. Kontraktor-kontraktor dinasihatkan untuk memastikan sijil-sijil berkaitan mestilah masih sah tempoh lakunya sekurang-kurangnya **3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga (aktif selepas 20 Disember 2026)**.
4. Lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi semua kontraktor mengikut ketetapan seperti di atas. Kontraktor dikehendaki untuk mengisi maklumbalas kehadiran lawatan tapak di dalam sistem iDaftar **sebelum 09 September 2026 (Rabu)**. Sila bawa bersama Sijil SSM, CIDB (PKK&SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) bersama sewaktu lawatan tapak. **Hanya nama yang berdaftar di dalam lesen sahaja yang dibenarkan hadir untuk lawatan tapak.** Kegagalan untuk mematuhi arahan akan menyebabkan kontraktor tidak layak untuk menyertai sesi lawat tapak.
5. Surat kebenaran khas daripada CIDB adalah **tidak dibenarkan**.
6. Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.
7. Syarikat boleh menggunakan penghantaran kurier untuk penghantaran dokumen sebutharga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Jabatan dengan agen perkhidmatan kurier dalam masa dan alamat yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
8. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga** sebelum jam **12.00 tengah hari** pada hari **20 September 2026 (Ahad)** di alamat seperti di bawah :

**Peti Sebut Harga 06/2026
Aras 2,
Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim
09000, Kulim,
Kedah Darul Aman**

**"THE GREATER KEDAH"
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(MOHAMAD RIZAL BIN MOHAMAD RADZI, SDK.,AMK.,BCK.,BKM)
Pegawai Daerah Kulim
Kedah Darul Aman.

Tarikh : 06 SEP 2026

Experience
KEDAH